

## PANDUAN MENGISI BORANG PERMOHONAN *APPROVED PERMIT* (AP) KELAPA TUA BIJI

Pemilik dinasihatkan membaca dengan teliti arahan-arahan di dalam panduan ini sebelum mengisi borang. Borang hendaklah ditulis dengan **HURUF BESAR** dan menggunakan **PEN DAKWAT HITAM**. Berikut adalah panduan bagi mengisi bahagian-bahagian utama di dalam borang permohonan:

### Peringatan:

Satu (1) borang hanya sah bagi satu permohonan sahaja dan dicetak terus daripada laman sesawang Jabatan Pertanian di [www.doa.gov.my](http://www.doa.gov.my).

### 1. JENIS PERMOHONAN

- i. Tandakan (  $\surd$  ) pada jenis permohonan yang dipilih pada borang permohonan. Permohonan Baharu/ Tambahan/ Pembaharuan.

### 2. TEMPOH PERMOHONAN

- i. **Permohonan Baharu** hanya boleh dimohon pada **Januari hingga Mac** pada tahun semasa. Permohonan yang diterima selepas bulan Mac hanya akan diproses pada tahun berikutnya.
- ii. **Permohonan Tambahan** kuota hendaklah dihantar **pada bulan April hingga Jun** pada tahun semasa. Borang permohonan perlu disertakan bersama dokumen sokongan seperti K1, *Telegraphic Transfer* (TT), invois belian dan penyata bank bagi tiga (3) bulan terakhir.
- iii. **Permohonan Pembaharuan** kuota bagi tahun berikutnya hendaklah dikemukakan kepada urus setia Jawatankuasa Teknikal Import dan Eksport Keluaran Pertanian Terpilih (JKT) Jabatan Pertanian Malaysia **sebelum atau pada 30 September** untuk penilaian semula.

### 3. MAKLUMAT PERNIAGAAN

- i. Lengkapkan maklumat sebagaimana yang dinyatakan dalam profil syarikat, dokumen-dokumen syarikat yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- ii. Kad Pengenalan depan belakang dalam satu muka surat (berwarna).
- iii. Alamat - Perlu ditulis alamat operasi perniagaan dengan lengkap.
- iv. Alamat Surat Menyurat - Jika berlainan dengan alamat operasi perniagaan.

- v. No. telefon dan alamat e-mel – No. telefon pemohon dan e-mel yang mudah dihubungi.

#### 4. DOKUMEN TAMBAHAN/ SOKONGAN

- i. Semua dokumen yang diperlukan hendaklah dikemukakan bersama-sama borang permohonan;
- ii. Semua salinan dokumen hendaklah dibuat dalam saiz kertas A4 dan bagi dokumen bergambar mesti berwarna dan jelas.
- iii. Pastikan dokumen yang dikemukakan bersama-sama borang permohonan disusun mengikut senarai semak muka depan dan ditandakan ( ✓ ) di dalam .

#### 5. PENGESAHAN PERMOHONAN

- i. Permohonan mestilah diisi oleh salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Syarikat yang telah diberikan kuasa untuk mewakili syarikat bagi semua urusan permohonan ini.

#### 6. PENGHANTARAN PERMOHONAN

- i. Borang permohonan dan dokumen tambahan/ sokongan yang lengkap perlu disertakan dan dihantar kepada:

##### **Penghantaran Melalui Pos/ Secara Serahan Tangan**

Pengarah  
Bahagian Pembangunan Industri Tanaman (BPIT)  
Aras 10, Wisma Tani, Blok 4G2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62624 Putrajaya  
Wilayah Persekutuan Putrajaya

No. Tel.: 03-8870 3483/ 3473/ 3000

Emel : [apkelapa@doa.gov.my](mailto:apkelapa@doa.gov.my)

(Waktu Operasi: 8.00 pagi hingga 5.00 petang)

Penerimaan borang permohonan dan dokumen tambahan/ sokongan tidak menjamin kelulusan permohonan.

Borang permohonan dan dokumen tambahan/ sokongan yang lengkap sahaja akan diproses.

## SYARAT-SYARAT PERMOHONAN MENGIMPORT KELAPA TUA BIJI

1. Syarat-syarat permohonan mengimport kelapa tua biji adalah berdasarkan Prosedur Permohonan Pengimportan Kuota Import Kelapa Tua Biji yang telah dikuatkuasa bermula Januari 2019. Perubahan syarat- syarat adalah berdasarkan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang dikemaskini dari semasa ke semasa:

### A) Syarat kelayakan:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur 21 tahun dan ke atas;
- iii. Tidak diisytiharkan muflis dan bebas kes jenayah.
- iv. Penyata bank sekurang-kurangnya tiga (3) bulan terkini.
- v. Mempunyai syarikat yang berdaftar di Malaysia dan menyertakan salinan asal bercetak (*computer print out*) yang terkini dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- vi. Mempunyai lesen berdaftar yang masih sah bagi premis yang beroperasi dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- vii. Mempunyai Lesen Membeli Kelapa daripada FAMA yang masih sah.

### B) Syarat Wajib Pengilang

- i. Mempunyai kilang atau premis yang mengeluarkan produk proses atas nama sendiri dengan penggunaan minima 500,000 kg kelapa tua biji setahun.
- ii. Pemohonan hendaklah mengikut kapasiti kilang dan bilangan pekerja yang menjalankan operasi.
- iii. Mengeluarkan produk-produk berasaskan kelapa seperti santan segar, santan beku (*retort*), santan serbuk, serbuk kelapa kering, kerisik, minyak kelapa, minyak kelapa dara, air kelapa muda, *activated carbon* dan kopra untuk tujuan domestik dan eksport.
- iv. Mempunyai premis simpanan/ edaran yang telah beroperasi sekurang-kurangnya tiga (3) bulan atas nama sendiri atau syarikat usahasama atau sewaan.
- v. Produk kilang yang dikeluarkan mesti berkualiti dan mendapat sekurang-kurangnya salah satu pensijilan HALAL/ Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI)/ *Good Manufacturing Practice* (GMP).

Mematuhi penggredan, pembungkusan dan pelabelan Peraturan FAMA 1988.

- vi. Pelabur asing yang mempunyai kilang di Malaysia mestilah mempunyai rakan kongsi warganegara dengan pegangan ekuiti minima sebanyak 30%.

### C) Syarat Wajib Untuk Edaran Segar

- i. FAMA Corporation Sdn. Bhd. (FAMACO) mengimport bagi tujuan penstabilan harga dan kecukupan bekalan dalam negara.
- ii. NAFAS mengimport bagi tujuan edaran ke rangkaian premis-premis di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).
- iii. GLC yang dilantik oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Import dan Eksport Keluaran Pertanian Terpilih (JKIEKP).

### D) Syarat Tambahan

- i. Penyata LHDN;
  - ii. Mempunyai Borang K1 (bagi permohonan pembaharuan)
2. Berdasarkan (SOP) Permohonan Pengimportan Kuota Kelapa Tua Biji, dilarang mengeksport semula kelapa tua biji ke luar negara. Kelulusan import kelapa tua biji hanya untuk kegunaan di dalam negara sahaja. Permohonan untuk mengimport sebagai tujuan untuk dieksport semula adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
  3. Setiap entiti hanya dibenarkan memohon dan memiliki kuota melalui satu (1) pemilikan sahaja bagi setiap komoditi. Pelanggaran syarat boleh disenarai hitam.
  4. Penjualan kuota dan permit import kepada pihak lain adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Pemilik kuota yang didapati menjual kuota dan permit import kepada pihak lain atau tidak menjalankan apa-apa perniagaan berkaitan akan ditamatkan pemilikan kuota serta merta.
  5. Sekiranya terdapat ahli keluarga atau mana-mana ahli Lembaga Pengarah Syarikat/ Pertubuhan/ telah mendapat kuota, maka tidak dibenarkan ahli keluarga lain (termasuk isteri) atau mana-mana ahli Lembaga Pengarah Syarikat/ Pertubuhan/ untuk memohon kuota.
  6. **Tempoh sah pemilikan kuota** adalah dari tarikh kelulusan **sehingga 31 Disember tahun semasa**. Baki kelulusan tahunan tidak boleh dibawa ke tahun berikutnya.

Konsainan yang diimport hendaklah tiba selewat-lewatnya pada 31 Disember tahun semasa.

7. Kelulusan pengimportan adalah mengikut tahun semasa dan **TIDAK DIBENARKAN** untuk penggunaan pada tahun berikutnya. Jumlah baki kelulusan **TIDAK akan dibawa ke tahun berikutnya.**

## **8. Pemeriksaan Premis/ Kilang**

- i. Kehadiran pemohon adalah diwajibkan semasa pemeriksaan atau sesi pemantauan dijalankan oleh pasukan siasatan.
- ii. Pemohon/ pemegang kuota perlu menyimpan rekod-rekod pembelian, pengilangan, penjualan, Sijil Perakuan Pematuhan Peraturan GPL (CoC) dan Borang Kastam 1 (K1) bagi pengimportan Kelapa Tua Biji.
- iii. Dokumen tersebut perlu ditunjukkan kepada Pasukan Siasatan apabila diminta semasa pemeriksaan kilang dijalankan. Pemohon perlu menyerahkan salinan dokumen-dokumen yang diminta kepada pihak urus setia sebelum tarikh penyiasatan bagi permohonan baharu, tambahan dan pembaharuan.
- iv. Pasukan siasatan yang diarahkan untuk menjalankan pemeriksaan hendaklah dibenarkan memasuki dan mengambil gambar pejabat, kilang, stor, mesin dan peralatan yang berkaitan.
- v. Kegagalan mengemukakan rekod-rekod perniagaan semasa lawatan pemantauan atau menghalang pasukan pemantauan menjalankan tugas akan menyebabkan kegagalan atau pemilikan kuota ditamatkan.

## **9. Larangan Penjualan Kelulusan Pengimportan Kelapa Tua Biji**

### **A) Permit Import Kilang**

- i. Pemilik kelulusan yang didapati menjual kelulusan import kepada pihak lain boleh ditamatkan kelulusan mengimport serta-merta.
- ii. Pemilik tidak dibenarkan menjual kelapa yang diimport untuk tujuan jualan segar.
- iii. Pemilik tidak dibenarkan mengeksport semula kelapa tua biji yang diimport ke luar negara.

### **B) Untuk Permit Import Jualan Segar**

- i. Pemilik kelulusan tidak dibenarkan pindah milik kelulusan import kepada individu dan syarikat lain.

- ii. Pemilik tidak dibenarkan menjual kelapa yang diimport kepada kilang pemprosesan yang mempunyai (AP).
- iii. Pemilik tidak dibenarkan mengeksport semula ke luar negara.
- iv. Pelanggaran ke atas salah satu perkara i, ii dan iii maka kelulusan pengimportan akan terbatal.

## 10. Larangan

- i. Di bawah Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 dan Peraturan-Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981(peraturan 8), pengimportan kelapa tua biji dari negara-negara yang menjadi perumah "*cocoa swollen shoot virus complex*, *Rhynchophorus ferrugineus* (red palm weevil), *lethal yellowing*, kaincope, cadang-cadang, *Phytophthora palmivora* (coconut budrot), *Marasmius palmivorus* (oil palm bunch rot), *Ganoderma boninense* (basal stem rot of oil palm), *Nipaecoccus nipae* (spiked mealybug), *Odontotermes obesus* (termites), *Pseudotheraptus devastans* (nut coreid bug), *Aceria guerreronis* (coconut mite), *Raoiella indica* (red palm mite), *Aphis gossypii* (aphid), *Ganoderma boninense* (basal stem rot), *Candidatus Phytoplasma asteris* (yellow disease phytoplasmas) dan *Parthenium hysterophorus* (parthenium weed) atau lain-lain virus atau penyakit yang serius adalah **DILARANG** masuk terutamanya dari negara Filipina, India dan Afrika Tengah kecuali pengimportan untuk tujuan penyelidikan sahaja;
- ii. Pengimportan mestilah mendapat persetujuan dan dikonsaikan kepada Ketua Pengarah Pertanian; dan
- iii. Pengimportan kelapa tua biji adalah tertakluk untuk dikuarantinkan atau dirawat di negara luar dari negara-negara endemik kepada penyakit yang tersebut di atas.
- iv. Pengimportan Kelapa Tua Biji dari mana-mana negara adalah tertakluk kepada *International Standards for Phytosanitary Measures* (ISPMs) no. 2 dan 11 Analisis Risiko Perosak (Pest Risk Analysis, PRA) yang dijalankan oleh Bahagian Biosekuriti Tumbuhan yang dilantik sebagai *National Plant Protection Organisation* (NPPO) Malaysia.

## 11. Penamatan Kuota

- i. Permohonan pembaharuan yang tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan akan menyebabkan kuota ditarik semula atau tidak lagi mendapat kelulusan import pada tahun berikutnya.

- ii. Pemilik kuota yang tidak menggunakan kuotanya selama tiga (3) bulan berturut-turut dan tidak mematuhi syarat akan diberi notis peringatan.
- iii. Sekiranya dalam tempoh tiga (3) bulan berikutnya pihak pemegang kuota masih gagal mematuhi syarat di atas maka penamatan kuota boleh disyorkan.
- iv. Pemegang kuota dikehendaki menguruskan permit import masing-masing atau menjalankan perniagaan pertanian yang berkaitan.
- v. Penjualan kuota dan permit import kepada pihak lain adalah tidak dibenarkan.
- vi. Pemegang kuota yang didapati menjual kuota dan permit import kepada pihak lain atau tidak menjalankan perniagaan apa-apa perniagaan berkaitan akan ditamatkan pemilikan kuota serta-merta.

Tarikh: .....

Pengarah  
Bahagian Pembangunan Industri Tanaman  
Aras 10, Wisma Tani  
Lot 4G2, Presint 4  
No.30 Persiaran Perdana  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62632 Putrajaya  
Wilayah Persekutuan Putrajaya  
**(u.p.: Seksyen Sayuran dan Tanaman Kontan)**

No. Tel. : +603-8870 3483/ 3000  
No. Faks: +603-8888 8319  
E-mel : apkelapa@doa.gov.my

Tuan,

### **MEMOHON KELULUSAN MENGIMPORT KELAPA TUA BIJI BAHARU/ PEMBAHARUAN**

Sukacita bersama-sama ini disertakan dokumen-dokumen berikut bagi pengesyoran permohonan di atas untuk tindakan selanjutnya:

- Profail syarikat dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) lengkap.
- Salinan kad pengenalan pemohon.  
(Depan belakang dalam satu muka surat berwarna).
- Salinan terbaru Penyata Bank Syarikat (3 bulan terkini).
- Salinan penyata Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
- Salinan Lesen Premis Perniagaan (Lesen PBT).
- Salinan surat-surat perjanjian kontrak (Pembekalan dan Pembelian).
- Salinan surat pemilikan/ sewaan premis. (Dinyatakan kapasiti/ keluasan).
- Salinan sijil MeSTI/ sijil HALAL/ sijil GMP (Pilih yang berkenaan).
- Resit jualan produk kelapa/ pembelian kelapa (Sekurangnyanya tiga (3) bulan terkini).
- Gambar bangunan premis/ kilang (Pandangan luar dan dalam 3 keping berwarna).
- Gambar mesin dan peralatan (Berwarna).

#### **Permohonan pembaharuan perlu dilampirkan bersama:**

- a) Borang K1
- b) Borang *Telegraphic transfer* (TT)

(Sila tanda  $\surd$  / dalam  yang berkaitan).

Saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan di dalam permohonan ini adalah benar\*.

Sekian untuk pertimbangan dan pengesyoran pihak tuan, terima kasih.

Tandatangan :.....  
Nama Pemohon:.....  
Jawatan :.....  
Syarikat :.....  
No. Tel. :.....  
E-mel :.....

**Cop Syarikat**

Nota: \* Permohonan tidak akan diproses jika dokumen tidak lengkap dan/ atau maklumat yang diberikan adalah palsu.





**JABATAN PERTANIAN MALAYSIA**  
DEPARTMENT OF AGRICULTURE

No. Tel: 603-8870 3483/ 3000 No. Faks: 603-8888 8319 E-Mel: apkelapa@doa.gov.my

## BORANG PERMOHONAN KELULUSAN MENGIMPORT KELAPA TUA BIJI

### JENIS PERMOHONAN (tandakan pada kotak berkenaan)

- Permohonan Baharu  
 Permohonan Tambahan  
 Permohonan Pembaharuan

### Untuk Kegunaan Pejabat:

Tarikh terima:

### PERINGATAN KEPADA PEMOHON:

1. Tulisan menggunakan **HURUF BESAR** dan **PEN DAKWAT HITAM**
2. Borang permohonan diisi dalam 1 salinan (berwarna)
3. Telah mempunyai **KILANG PEMROSESAN** kelapa tua biji.
4. Rujuk senarai semak dokumen seperti (lampiran 1).
5. Pemohon adalah digalakkan menggunakan lampiran tambahan sekiranya perlu.

### A. KETERANGAN PEMOHON/ SYARIKAT

1. Nama Syarikat:
2. No. Pendaftaran Perniagaan/ Syarikat :
3. Nama Pemohon:
4. No Kad Pengenalan:
5. Alamat Kilang/ Premis:
- Poskod:  Negeri:
- Telefon Pejabat:  Faks:
- Telefon Bimbit:  E-mel: .....
6. Alamat Surat Menyurat (Jika berlainan daripada No.5)
- Poskod:  Negeri :
7. Status Syarikat: Berhad/ Sdn. Bhd./ Trading/ Koperasi/ Lain-lain (Nyatakan).....
8. Milikan Syer: Bumiputera: .....% Bukan Bumiputera: .....%
9. a) Perniagaan Utama: ..... b) Perniagaan Lain: .....
- c) Nama Bank: ..... d) Baki Terakhir Dalam Bank: .....
10. a) Jumlah Kuota Dimohon: .....kg/ Tahun b) Jumlah Kuota Sedia Ada: .....kg/ Tahun
11. Pelabuan Pintu Masuk: ..... 12 Negara Pembekal: .....

**B. PENGELUARAN DAN PASARAN**

## 1. Produk Pengeluaran Syarikat.

BIL	JENIS PRODUK/ JENAMA	PENGELUARAN (kg/ TAHUN)		PENGELUARAN MAKSIMUM (kg/ TAHUN)	PASARAN TEMPATAN		PASARAN EKSPORT	
		TAHUN SEMASA	TAHUN HADAPAN (ANGGARAN)		TAHUN SEMASA	TAHUN HADAPAN (ANGGARAN)	TAHUN SEMASA	TAHUN HADAPAN (AGGARAN)
1.	Santan							
2.								
3.								
4.								
5.								
6.								
7.								
8.								
9.								
10.								

2. Nama Pembeli Tempatan: a) \_\_\_\_\_ b) \_\_\_\_\_ c) \_\_\_\_\_

3. Negara Eksport: a) \_\_\_\_\_ b) \_\_\_\_\_ c) \_\_\_\_\_

**C. KUANTITI KELAPA TUA BIJI YANG DIGUNAKAN DALAM TAHUN SEMASA (TEMPATAN DAN IMPORT)**

## 1. Rekod Pembelian Kelapa Tua Biji

BULAN	KUANTITI KELAPA TUA BIJI (kg)		NAMA PEMBEKAL	PURATA HARGA BELI (RM/ KG)
	TEMPATAN (A)	IMPORT (B)		
Januari			a) Tempatan	a) Tempatan
Februari				
Mac				
April				
Mei				
Jun				
Julai			b) Import	b) Import
Ogos				
September				
Oktober				
November				
Disember				
<b>JUMLAH</b>				

2. Jumlah Penggunaan Kelapa Tua Biji: \_\_\_\_\_ kg/ Tahun  
(Jumlah A + B)

3. Jumlah Penggunaan Kelapa Patek: \_\_\_\_\_ kg/ Tahun

4. Nama Pembekal Kelapa Patek: \_\_\_\_\_

5. Harga Purata Belian Kelapa Patek: \_\_\_\_\_ RM/ kg

**D. BUTIR-BUTIR PERNIAGAAN DAN KELENGKAPAN**1. Bilangan Pengangkutan: a) Van: ..... b) Lori: ..... c) Lain-lain: .....  
(Jumlah aset) (Nyatakan)

2. Bilangan Pekerja: a) Pengurusan: ..... d) Jumlah Pekerja Tempatan: .....

b) Kerani/ Penyelia/ Teknikal: ..... e) Jumlah Pekerja Asing: .....

c) Buruh: .....

3. Produk Keluaran Syarikat: Santan Cair  Air Kelapa I  Coconut Chips Santan Beku  Minyak Kelapa Dara  Activated Carbon Santan Serbuk  Minyak Kelapa  Lain- lain Nyatakan:Kerisik  Kopro  \_\_\_\_\_

**E. KEMUDAHAN KILANG/ PREMIS, PERALATAN DAN SEWAAN**

1 Nilai Bangunan Kilang/ Premis: RM .....

2. Nilai Mesin dan Peralatan: RM .....

**Jika Kilang/ Premis Disewa:**

1. a) Nilai Sewaan Kilang/ Premis: RM...../ Bulan b) Tempoh Sewaan: .....

2. a) Nilai Sewaan Mesin dan Peralatan: RM...../ Bulan b) Tempoh Sewaan: .....

3. Lain-lain Kemudahan: Stor: ..... Alat Timbang: ..... Peti Sejuk Beku: ..... Lain-lain: .....

**F. MAKLUMAT TAMBAHAN/ MAKLUMAT MESIN DAN PERALATAN**

BIL.	JENIS MESIN/ PERALATAN	BIL. UNIT	KAPASITI MESIN
1.	Mesin Pematik Kelapa		
2.	<i>Grinder</i>		
3.	Mesin Pemerah Santan		
4.	<i>Pasturiser</i>		
5.	UHT System		
6.	<i>Canning Line</i>		
7.	Peti Sejuk Beku		
8.			
9.			
10			

**G. PENGAKUAN PEMOHON**

1. Adalah saya .....No. Kad Pengenalan..... mengaku bahawa semua keterangan yang diberikan di dalam borang ini adalah benar. Saya juga sedia maklum jika terdapat butir-butir yang diberikan tidak benar, **KERAJAAN MALAYSIA** berhak menarik balik atau membatalkan kelulusan yang dikeluarkan. Saya mengaku akan mematuhi semua syarat-syarat atau peraturan dan arahan-arahan yang akan dikeluarkan atau diisytiharkan dari semasa ke semasa.

.....  
Tandatangan Pemohon  
dan Cop Rasmi Syarikat

Jawatan:.....

Tarikh: / / **H. KEGUNAAN PEJABAT**

Didaftarkan Oleh:

Disemak Oleh:

.....  
(NAMA PEGAWAI & Cop)Tarikh: / / .....  
(NAMA PEGAWAI & Cop)Tarikh: / /

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN MENGIMPORT KELAPA TUA BIJI  
(UNTUK KEGUNAAN PEJABAT)**

SENARAI DOKUMEN YANG PERLU DILAMPIRKAN	TANDAKAN (√)		CATATAN/ KOMEN PEGAWAI
	Ada	Tiada	
1 Profail syarikat dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) lengkap <i>**6 pages computer print-out</i> <i>**Form 49</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
2 Salinan Kad Pengenalan Pemohon (Depan belakang dalam satu muka surat berwarna)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
3 Salinan terbaru Penyata Bank Syarikat (3 bulan terkini).	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
4 Salinan penyata LHDN	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
5 Salinan Lesen Premis Perniagaan (Lesen PBT).	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
6 Salinan surat-surat perjanjian kontrak Pembekalan dan Pembelian.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
7 Salinan surat pemilikan/ sewaan premis (Dinyatakan kapasiti/ keluasan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
8 Salinan sijil MeSTI/ sijil HALAL/ sijil GMP (Pilih yang berkenaan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
9 Salinan resit jualan produk/ pembelian kelapa (sekurang-kurangnya tiga (3) bulan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
10 Gambar bangunan premis/ kilang (Pandangan luar dan dalam 3 keping berwarna).	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
11 Gambar mesin dan peralatan (Berwarna)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
12 Untuk permohonan pembaharuan perlu dilampirkan :			
a) Borang K1	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
b) Borang <i>Telegraphic transfer</i> (TT)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	

**KEGUNAAN PEJABAT:**

LENGKAP/ TIDAK LENGKAP

**Catatan:**
